

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan pewujudan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) terhadap kedudukan dan operasi PETRONAS terutama mengenai Kontrak Perkongsian Petroleum (PSC) yang dimasuki oleh PETRONAS.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif yang dimiliki oleh PETRONAS untuk mengeksplorasi, mengeksplot, mendapatkan dan memperolehi petroleum di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Akta 144).

Kesan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) kepada operasi PETRONAS adalah tidak berbangkit memandangkan perkara mengenai hak explorasi dan exploitasi minyak adalah ditadbir oleh Akta 144 dan had laut wilayah negeri-negeri adalah berdasarkan Akta 750 yang dibaca bersama dengan Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966 dan Kanun Tanah Negara 1965.

Pemakaian Akta 144 dan Akta 750 kepada semua negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada had laut wilayah negeri-negeri semasa pembentukan Malaysia dan bagi Sabah dan Sarawak adalah terpakai mulai tahun 1963.

Sekian, terima kasih

SOALAN (61)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 APRIL 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah bangunan perumahan, bangunan awam dan bangunan perdagangan/perniagaan yang masih belum mendapat *Certificate of Fitness (CF)* atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* tetapi sudah pun diduduki atau dimasuki dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan semua pemaju dan pemilik mendapatkan sijil perakuan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah meluluskan permohonan-permohonan cadangan pemajuan sebelum pemaju boleh dibina. Walau bagaimanapun PBT tiada punca kuasa untuk memastikan setiap permohonan yang lulus akhirnya dibina kerana ini bergantung kepada faktor-faktor luar di bawah kawalan pemaju dan perunding projek.

Oleh yang demikian, bilangan permohonan yang diluluskan PBT untuk dimajukan tidak memberi gambaran sebenar bilangan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang telah dikeluarkan. Sementara itu, pihak PBT boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana orang yang menduduki atau membenarkan apa-apa bangunan untuk diduduki tanpa CFO atau CCC selaras dengan peruntukan di bawah Akta 133, subseksyen 70(27) Akta 133 (pindaan 2007), yang menetapkan pemaju serta pemilik bangunan hendaklah tidak

menbenarkan apa-apa bangunan diduduki tanpa CCC. Jika disabit kesalahan denda yang dikenakan adalah tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebagai makluman juga, mulai April 2007, jumlah CCC yang direkodkan telah dikeluarkan adalah sebanyak 16,001.